

Lebih 200 graduan UTM dapat manfaat Food Bank

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

SKUDAI – Program Food Bank Siswa Malaysia yang dilancarkan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dijangka memberi manfaat kepada lebih 200 pelajar daripada keluarga B40.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Datuk Muez Abd. Aziz berkata, program itu dijalankan dengan dua konsep iaitu *food pantry* dan makanan yang dimasak.

“Sebagai permulaan, seramai 200 pelajar dikenal pasti untuk menjadi penerima menerusi program ini. Bagi *food pantry*, barang keperluan kering seperti biskut dan roti disediakan. Pelajar boleh

mengambil barangan keperluan pada bila-bila masa.

“Bagi kaedah kedua, pelajar akan diberikan makanan yang dimasak sekali seminggu. Makanan ini akan disediakan oleh penyumbang yang terdiri daripada restoran yang terpilih,” katanya pada majlis pelancaran Program Food Bank Siswa Malaysia di UTM di sini semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar. Turut hadir Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar.

Program yang dilancarkan buat pertama kali di negeri ini digerakkan menerusi Gerakan Pengguna Siswa (GPS) yang akan bertindak sebagai sukarelawan.

Terdahulu, program ini dijalankan di lima universiti seluruh negara termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM).

Pada masa sama, Muez berkata, penghargaan diberikan kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang menjadi penyumbang kepada program ini.

“Penyumbang bagi program permulaan di UTM ini melibatkan The Puteri Pan Pacific Hotel Johor Bahru, Persatuan India Muslim Johor (Perusim), pasar raya Econsave, pasar raya NSK Trade City, Rotinas Bakery & Confectionary Sdn. Bhd., dan Shell.



ISMAIL (tiga dari kiri) bergambar bersama penerima sumbangan sempena Program Food Bank Siswa Malaysia di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai semalam.